



13 NOV, 2020

Kempen digital HappyNest Glomac



Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2

Kempen digital HappyNest Glomac

Tidak lama selepas mengumumkan prestasi kewangan bagi tahun kewangan 2020 ketika Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) maya, Glomac Bhd (Glomac) melancarkan antara inisiatif pertama yang akan menambah nilai dan pilihan kepada pengguna yang ingin membeli rumah Glomac.

Ketua Jabatan Jualan dan Pemasaran Glomac, Kim Neoh berkata, kempen digital tiga bulan ini diadakan untuk meningkatkan keseronokan pengalaman membeli rumah terutama ketika keadaan mencabar akibat pandemik Covid-19.

"Walaupun terdapat pelbagai larangan pergerakan yang dihadapi rakyat Malaysia hari ini akibat pandemik berkenaan, kami dapatti bahawa minat pelabur

masih sama seperti tempoh sebelum tempoh Covid-19 melanda. "Pembeli rumah pertama juga sangat berminat mendapatkan kediaman mereka melalui nilai terbaik di pasaran. Oleh itu, untuk menambahkan keseronokan dalam pengalaman mereka, kempen HappyNest memberi peluang kepada pelanggan kami untuk memperoleh lebih banyak lagi," katanya.

Jelas Neoh, antara yang ditawarkan termasuk peluang memenangi dua baucar tunai RM200 setiap minggu serta hadiah cabutan bulanan berupa iPad Mini dan mesin vakum Dyson V8 yang semuanya bernilai lebih daripada RM10,000.

Katanya, pelanggan boleh memilih untuk melihat unit contoh rumah Glomac secara peribadi (dengan



membuat janji temu) atau mengalami tontonan maya. "Bakal pembeli kemudian secara automatik menyertai cabutan bertuah mingguan yang akan dilakukan melalui webinar 'streaming' secara langsung.

"Kempen Pemilikan Rumah (HOC) yang diperkenalkan semula kerajaan di samping

program HouzKey yang baru dilancarkan hasil kerjasama Glomac-Maybank ini akan membantu mempermudah proses pemilikan rumah," katanya.

Kempen HappyNest Glomac membabitkan semua produk hartanah diperkenalkan syarikat itu dan yang akan dilancarkan dalam tempoh itu.



Kempen ini berakhir pada 31 Januari tahun depan, lebih banyak inisiatif menarik akan dilancarkan secara berterusan untuk ditawarkan kepada rakyat Malaysia.

Antara produk terbaru yang ditawarkan Glomac termasuk harta tanah berkembar dua tingkat seperti Mawar Sari di

Saujana Perdana di Sungai Buloh, kondominium moden dan SoHo seperti Plaza@Kelana Jaya dan 121 Residences yang terletak di sekitar kawasan Damansara-Petaling Jaya. Selain itu, pangapuri perkhemidmatan mewah Suria Stonor di kawasan KLCC dan rumah teres dua tingkat di Saujana Jaya di Kulai, Johor.



13 NOV, 2020

Kempen digital HappyNest Glomac

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Tidak lama selepas mengumumkan prestasi kewangan bagi tahun kewangan 2020 ketika Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) maya, Glomac Bhd (Glomac) melancarkan antara inisiatif pertama yang akan menambah nilai dan pilihan kepada pengguna yang ingin membeli rumah Glomac. Ketua Jabatan Jualan dan Pemasaran Glomac, Kim Neoh berkata, kempen digital tiga bulan ini diadakan untuk meningkatkan keseronokan pengalaman membeli rumah terutama ketika keadaan mencabar akibat pandemik Covid-19.